

21/08/2002

Cuepacs kemukakan empat lagi tuntutan

KUALA LUMPUR, Selasa - Cuepacs hari ini secara rasmi menerima pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB) dan mengemukakan empat lagi tuntutan untuk pertimbangan kerajaan.

Tuntutan itu ialah meminta kerajaan menambah tawaran mata gaji RM15 kepada kadar yang berpatutan untuk diberikan kepada kira-kira 600,000 kakitangan Kumpulan Sokongan.

Cuepacs juga meminta kerajaan supaya gred lantikan Kumpulan Sokongan diberi dua lapis gaji seperti dinikmati kakitangan kerajaan dalam gred kenaikan pangkat.

Selain itu, mereka juga mahu peperiksaan penilaian tahap kecekapan untuk kumpulan rendah dipermudahkan dan tidak membebankan kakitangan terbabit kerana tidak ada modul untuknya.

Cuepacs juga menuntut kerajaan mengkaji semula kadar elaun kakitangan awam seperti imbuhan tetap perumahan, elaun hotel dan elaun khidmat awam.

Penerimaan SSM dan empat tuntutan itu diumumkan Setiausaha Agungnya, Abdul Rahman Manan, selepas mesyuarat khas Majlis Kongres Cuepacs di sini, hari ini.

Ia diluluskan sebulat suara oleh 130 kesatuan gabungannya yang menyertai mesyuarat itu.

Sementara itu, Presidennya, Datuk N Siva Subramaniam berkata Cuepacs akan mengadakan satu pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan semua tuntutan itu.

Beliau mahu Perdana Menteri campur tangan dan menyelesaikan masalah mata gaji yang terlalu kecil untuk Kumpulan Sokongan yang menerima SSM.

"Perbezaan kenaikan mata gaji antara Kumpulan Sokongan begitu jauh berbanding RM65 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta RM110 bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Sebab itu kita merayu kerajaan memberi pertimbangan wajar (kenaikan) kepada golongan yang berpendapatan rendah," katanya.

Bagaimanapun, Cuepacs belum menentukan tahap mata gaji untuk pertimbangan kerajaan.

Beliau berkata, pemimpin kesatuan gabungan yang bermesyuarat hari ini menganggap jurang perbezaan mata gaji antara tiga kumpulan itu terlalu besar dan meminta kerajaan memberikan sejumlah mata gaji munasabah kepada kumpulan itu.

Siva berkata, Cuepacs juga berharap kerajaan mewujudkan mekanisme peluang kenaikan pangkat yang lebih mudah kerana Kumpulan Sokongan mengadu sukar mendapat peluang kenaikan kerana sering menjadi mangsa ketua jabatan.